

03/07/1999

Pameran pertanian di Bukit Jalil mulai hari ini

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pameran Pertanian, Holtikultur dan Agro-pelancongan 1999 (Maha '99) akan memberi peluang kepada orang ramai menyaksikan pameran hasil kekayaan serta kepelbagaian budaya negara dari sudut pertanian.

Pameran itu akan dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Stadium Putra, Bukit Jalil, malam esok. Ia diadakan semula selepas kali terakhir berlangsung 30 tahun lalu.

Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Pelancongan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Azhar Abu Bakar, berkata pameran itu diadakan selama dua bulan mulai esok hingga 31 Ogos.

Ia membabitkan pameran teknologi serta produk baru, agropelancongan, kraftangan dan kemudahan pinjaman serta lain-lain perkhidmatan berkaitan sektor pertanian.

Selain itu, ia membabitkan jualan hasil pertanian, persembahan dan hiburan, lawatan ke beberapa institusi pertanian, program pelancongan dan juga pelbagai peraduan serta pertandingan berkaitan.

Maha '99 membabitkan tiga acara utama iaitu Karnival Flora, Pesta Flora; serta Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK '99) sebagai acara kemuncak pada 26 Ogos.

Beliau ketika dihubungi berkata, kegiatan itu membabitkan pameran barangan yang berasaskan pertanian dan menyumbang kepada sektor pelancongan.

"Selain pameran, kegiatan lain ialah konvensyen dan seminar yang akan disertai pelbagai syarikat tempatan berasaskan pertanian serta antarabangsa.

"Kegiatan ini akan memberi peluang kepada usahawan, peladang, penternak dan nelayan serta agensi kerajaan terbabit untuk bertukar-tukar pendapat serta pandangan," katanya.

Maha sudah diadakan sejak 1923. Kali terakhir ia berlangsung pada 1968 di Taman Medan, Jalan Klang Lama, selama sebulan. Ia membabitkan pameran dan jualan hasil pertanian.

Azhar berkata, Maha '99 membabitkan pelbagai agensi termasuk Universiti Pertanian Malaysia, Jabatan Perikanan, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Jabatan Pertanian, Bank Pertanian, Mardi, Porim dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia.

Sementara itu, Ketua Unit Perhubungan Awam Kementerian Pertanian, Nur Ashikin Othman, berkata Maha '99 membabitkan penyertaan agensi kerajaan, syarikat swasta tempatan serta antarabangsa.

"Setakat ini kira-kira 70 agensi kerajaan dan 60 syarikat swasta termasuk 10 syarikat antarabangsa dari China, India, Korea, Sepanyol, Taiwan dan Singapura mengesahkan penyertaan," katanya ketika dihubungi.

Menurut Nur, pihaknya terus mengalu-alukan lebih banyak penyertaan dan ia masih terbuka untuk tempahan syarikat tempatan atau antarabangsa serta agensi kerajaan yang berminat.

(END)